

Pasukan debat bahasa Arab USIM juara lagi

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bhvarsiti@bharian.com.my

KUMPULAN debat Bahasa Arab Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul juara sekali gus mempertahankan kejuaraan lepas pada Pertandingan Debat Diraja Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2010 ke-14 yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), baru-baru ini.

Kumpulan dibarisi Maisarah Mohd Rafie, Mohd Najib Taha, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif dan Firdaus Ab Rahman yang menjadi pencadang berjaya menewaskan kumpulan debat Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada pusingan akhir dengan usul 'Melahirkan Jaguh Atlit Sukan Adalah Tanggung-

jawab Individu'.

Dengan kemenangan itu membolehkan kumpulan berkenaan membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, piala pusingan, piala iringan serta sijil, manakala Mohd Izzat muncul pendebat terbaik dan menerima hadiah wang tunai RM1,000, piala iringan serta sijil.

Hadiah disampaikan Sultan Johor yang juga Canselor UTHM, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar kepada pemenang.

Maisarah berkata, usaha mempertahankan gelaran juara ialah cabaran besar buat dirinya dan rakan sepasukan yang lain kerana menuntut pengorbanan yang tinggi.

"Memang diakui, tekanan dirasai sejak awal saingan lagi

kerana peserta yang bertanding hebat terutama Universiti Antarabangsa Islam Malaysia yang menjadi pencabar tradisi kami apabila bertemu dengan mereka pada pusingan separuh akhir.

"Namun rezeki menyebelahi kami apabila berjaya menewaskan mereka dan lebih manis antara kami berjaya menerima anugerah pendebat terbaik," kata pelajar jurusan undang-undang itu.

Kategori debat Bahasa Melayu dimenangi Universiti Teknologi MARA, manakala Universiti Malaya muncul johan kategori Bahasa Inggeris.

Pertandingan anjuran UTHM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kerajaan Negeri Johor, Majlis Debat Universiti-universiti

“*Memang diakui, tekanan dirasai sejak awal saingan lagi kerana peserta yang bertanding hebat terutama Universiti Antarabangsa Islam Malaysia yang menjadi pencabar tradisi kami apabila bertemu dengan mereka pada pusingan separuh akhir. Namun rezeki menyebelahi kami apabila dapat menewaskan mereka dan lebih manis antara kami berjaya menerima anugerah pendebat terbaik*”

Maisarah Mohd Rafie
Pendebat USIM

Malaysia (MADUM) menerima penyertaan 18 kumpulan daripada sembilan IPTA bagi kategori Bahasa Arab.

Sementara sebanyak 35 kumpulan daripada 19 IPTA

dan tiga institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) mengambil bahagian dalam pertandingan debat Bahasa Melayu dan kategori Bahasa Inggeris membatikan 14 IPTA dan satu IPTS.



PASUKAN USIM meraikan kemenangan mereka pada Pertandingan Debat Diraja Antara IPTA 2010 kategori bahasa Arab yang berlangsung di UTHM, baru-baru ini.